

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	2 October 2015

Bajet 2016 lebih besar, tingkat pertumbuhan ekonomi domestik - Husni *UM - 2/10/2015*

KUALA LUMPUR 10kL - Peruntukan Bajet 2016 yang akan diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak pada 23 Oktober ini adalah lebih besar berbanding tahun lalu dengan matlamat meningkatkan pertumbuhan ekonomi domestik.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Ahmad Husni Hanadzlah berkata, Bajet 2016 juga dirangka bagi mer-

ancakkan Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) yang memulakan programnya pada tahun depan.

Dalam merangka peruntukan bajet, katanya, kerajaan turut mengambil kira perkembangan ekonomi semasa.

"Kami sudah draf tetapi pada 7 Oktober ini, satu lagi mesyuarat mengenai Bajet 2016 akan dibuat

bagi melihat semua peruntukan yang telah diketengahkan oleh kementerian-kementerian. Kita tidak mahu berlaku pembaziran.

"Di dalam Bajet 2016, kami akan meningkatkan perbelanjaan pembangunan dan mengurangkan perbelanjaan pengoperasian bagi menyeimbangkan bajet dehsit pada tahun depan," katanya kepada

pemberita selepas menghadiri majlis pelancaran Skim Perumahan Belia di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Bank Simpanan Nasional, Tan Sri Abu Bakar Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Adinan Maning.

Ahmad Husni turut menyifatkan Bajet 2016 sebagai sangat mencabar kerana terpaksa melakukan kes-

eimbangan di antara ketidaktentuan ekonomi global dan memastikan visi kemakmuran rakyat tercapai.

Katanya, bajet pada kali ini juga akan memberi lebih tumpuan kepada golongan isi rumah B40 iaitu berpendapatan bulanan purata RM2,537 dengan mewujudkan pelbagai insentif bagi meningkatkan pendapatan mereka.